

19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA

TARIKH : 22.3.2018

SOALAN : NO. 15

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa (Ketereh) minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian bagi menyelami isu dan permasalahan mahasiswa tempatan terutama melibatkan isu kos sara hidup dan keperluan mahasiswa agar suara golongan mahasiswa terus didengari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin dan mengambil berat ke atas isu dan permasalahan mahasiswa tempatan terutama melibatkan isu kos sara hidup dan keperluan mahasiswa. KPT dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) sentiasa mengambil langkah proaktif dan komited dalam membantu pelajar yang tidak berkemampuan melalui pelbagai program bantuan.

Antara program berkaitan adalah program menu bajet seperti **menu ihtimam** di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Program Kongsi Rezeki: *Cheap Meal* 4U dan Program Baucer Sinaran yang berbentuk tajaan makan tengah hari di Universiti Malaysia Pahang (UMP), *suspended meal* di Universiti Putra Malaysia (UPM), program kupon

makanan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan beberapa politeknik serta kolej komuniti, *Mahabbah Food Programme* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta program Sabil Al Hikmah iaitu pemberian.

IPTA turut mengambil inisiatif lain bagi tujuan membantu pelajar yang tidak berkemampuan melalui bantuan sara diri berbentuk wang tunai, bantuan zakat, bantuan melunaskan baki yuran pengajian, penganjuran bengkel penjana kewangan, pemberian bantuan khas bencana alam, pemberian bantuan khas alat orang kelainan upaya dan penyediaan peluang pekerjaan bercorak produktif, *charity* di bawah skim *Job On Campus*.

Bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, KPT menyediakan saluran untuk menerima aduan daripada pelajar dan sentiasa menggalakkan kerjasama dengan agensi lain antaranya pihak yayasan dan pertubuhan terutama melibatkan aspek kebajikan pelajar di IPTS. Penubuhan yayasan sendiri turut dilaksanakan untuk menyediakan inisiatif dalam pelbagai bentuk bagi meringankan tanggungan dan bebanan kewangan pelajar di IPTS.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi tujuan tersebut termasuk pemberian Kad Siswa 1Malaysia (KADS1M), sumbangan zakat, tabung kebajikan, biasiswa dan pinjaman. Ia tidak termasuk 20 bentuk penajaan biasiswa dan bantuan kewangan lain yang turut disediakan oleh KPT untuk para pelajar yang berkecukupan dari peringkat sijil hinggalah ke pasca kedoktoran. Selain KPT, terdapat Kementerian dan agensi kerajaan lain yang menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA),

24

Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional. Pada masa kini, terdapat hampir 100 buah agensi kerajaan, swasta yang memberikan penajaan dalam bentuk biasiswa/bantuan/pinjaman kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kelayakan yang dimaksudkan adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia.